

Headline	Sabun akar istimewa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Aug 2012	Color	Black/white
Section	Bisnes	Circulation	324,097
Page No	L-75	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	287 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor	AdValue	RM 5,894
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,682



# Sabun akar istimewa

Zaza Trading keluar Ezybeauty dengan belanja RM500,000 yakin produk dapat sambutan

**Mohd Helmi Irwadi**

**Mohd Nor**

**Z**AZA Trading menerusi produk terbarunya, Ezybeauty iaitu sabun kecantikan yakin dapat dijual sebanyak 1,000 sebulan berdasarkan sambutan menggalakkan sebaik ia diperkenalkan di pasaran baru-baru ini.

Syarikat yang berpangkalan di Besut, Terengganu turut yakin untuk memperluaskan pasaran ke peringkat global dimulakan dengan Brunei, Indonesia dan Thailand.

Pengarah Urusannya, Rahibi Ismail berkata, produk berasaskan akar herba yang diperolehi dari hutan tropika itu bukan saja menyihatkan, malahan ia mampu melindungi kulit muka selain memastikan raut wajah lebih berseri-seri.

“Menggunakan akar istimewa iaitu akar emas, ia diproses secara holistik melalui kaedah pengeluaran syariah yang selamat dan suci. Ia diyakini mampu mem-

bantu menangani pelbagai masalah kulit antaranya resdung kronik, jerawat batu serta penyakit kulit berbahaya,” katanya.

Menurut Rahibi, sebelum dihasilkan, produk itu terlebih dulu menjalani beberapa kajian, penyelidikan dan pembangunan selain pihaknya turut mendapat khidmat nasihat pakar kosmetik.

“Tanpa memerlukan pelembap, toner, krim dan produk perlindungan matahari, sabun Ezybeauty diyakini sudah cukup melindungi raut wajah selain memulihkan

kulit yang rosak,” katanya.

Rahibi berkata, bagi proses penghasilan, bahan utama iaitu akar emas diasah di belakang pasu sebelum diekstrak bersama campuran herba dan buah-buahan bagi memastikan produk terhasil lebih wangi, selamat dan suci.

“Produk ini sesuai bagi semua lapisan umur terutama bagi mereka yang sibuk bekerja dan mementingkan penampilan menarik,” katanya menyatakan produk itu berdaftar di bawah Biro Penga-

walan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), Kementerian Kesihatan Malaysia.

Menurut Rahibi, sejak beroperasi bulan lalu, penghasilan sabun kecantikan itu menelan belanja sehingga RM500,000. Proses pengila-

ngan dijalankan di Besut, Terengganu dan Pengkalan Chepa, Kelantan selain turut bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Agensi Nuklear Malaysia (MINT) dan Pusat Racun Negara.

Orang ramai berminat mendapatkan sabun terba-bit, boleh melayari laman web [www.ezybeauty.biz](http://www.ezybeauty.biz).

## Fakta

Sebelum dihasilkan, produk itu terlebih dulu menjalani beberapa kajian, penyelidikan dan pembangunan selain pihaknya turut mendapat khidmat nasihat pakar kosmetik

Headline	Sabun akar istimewa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	09 Aug 2012	Color	Black/white
Section	Bisnes	Circulation	324,097
Page No	L-75	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	287 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor	AdValue	RM 5,894
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,682



**SUCI...Rahibi bersama sabun kecantikan, Ezybeauty.**